



PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN BILANGAN 6/1973

Mengukur Tanah Untuk Mengeluarkan Hakmilik Tetap

Surat Pekeliling ini dikeluarkan untuk menarik perhatian Pemungut-pemungut Hasil Tanah supaya sentiasa meninjau kedudukan pengukuran halus bagi tanah-tanah yang telah diambil balik sebahagian daripadanya dan tanah-tanah yang telah diluluskan permintaannya bagi menentukan pengeluaran suratan-suratan hakmilik kekal.

2. Harus diingati bahawa apabila sebahagian tanah milik itu diambil milik menurut Undang-undang Land Acquisition Act, 1960 butir-butir mengenai tanah itu yang dimaksudkan oleh seksyen 89(a) Kanun Tanah Negara adalah berubah dan oleh itu tindakan secepat mungkin mahulah diambil untuk memperolehi butir-butir pengukuran baru iaitu bilangan lot dan keluasan kawasan yang tinggal untuk dimiliki oleh tuan tanah itu seterusnya. Menurut seksyen 25(1) Land Acquisition Act pengukuran semula kawasan tersebut mestilah dijalankan dan menurut seksyen 26(1) (a) dan (b) pula suratan hakmilik sambungan mahulah dikeluarkan kawasan tersebut setelah siap diukur. Sehingga dapat dikeluarkan suratan hakmilik sambungan bagi kawasan tersebut maka tuanpunya tanah itu akan mengalami kesulitan jika ia berhajat menjualny, memajak atau menggadai kawasan itu dan juga ia tidak akan berupaya mengadakan pelan-pelan kawasan tanah itu untuk permintaan memecah sempadan, memecah bahagian atau mencantumnya.

3. Pada masa sekarang cara menguruskan kerja-kerja pengukuran ialah dengan menyiapkan permintaan mengukur 'Requisition for Survey' semasa Daftar-Daftar A.A atau A.O. dituliskan atau semasa mendaftar surat milik sementara. Walau bagaimanapun ada kemungkinan kerja-kerja itu telah diketepikan oleh sebab kerap kali pertukaran Pegawai-pegawai dan dengan itu

perluah ditinjau semula dengan serta-merta kedudukan kerja-kerja tersebut untuk mengetahui keadaan sekarang.

4. Adalah dinasihatkan bahawa walau bagaimanapun kedudukan kerja-kerja pengukuran yang terdapat setelah dibuat tinjauan adalah perlu diperolehi kerjasama Juru Ukur Negeri supaya kerja-kerja mengukur dapat dijalankan dan diberi keutamaan seperti berikut:

- (i) Baki kawasan tanah yang tidak diambil balik;
- (ii) Tanah-tanah yang masih berpegang dengan A.A./A.O.;
- (iii) Tanah-tanah yang dibawah Hakmilik Sementara.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR,
Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan

P.T.TM 006

Kuala Lumpur,
16hb Ogos, 1973